



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

HARIAN METRO 26/5/2016 P.35

Iblis goda manusia hingga hari kiamat

Perintah Allah kepada malaikat dan iblis supaya tunduk hormat kepada Nabi Adam AS adalah detik awal permusuhan iblis dengan manusia. Iblis ingkar sehingga dilaknat dan diusir keluar oleh Allah.

Hal ini sebagaimana firman-Nya dalam **surah al-A'raf, ayat 13** bermaksud: "Allah berfirman, turunlah kamu dari syurga ini kerana tidak patut kamu berlaku sombong di dalamnya. Oleh sebab itu, keluarlah. Sesungguhnya kamu

daripada golongan yang hina."

Permusuhan iblis dengan manusia berlanjutan hingga akhirat. Iblis berjanji menyesatkan manusia dan melakukan tipu dayanya. Ia minta dipanjangkan usianya sebagaimana pada **surah Saad, ayat 79** bermaksud:

"Iblis berkata, wahai Tuhanku! Jika demikian, berilah tempoh kepadaku hingga ke hari mereka dibangkitkan (hari kiamat)."

Allah memperkenankan permintaan iblis itu

sebagaimana dapat dilihat melalui ayat 80 dan 81 daripada surah berkenaan. Dengan keizinan itu, iblis berikrar menggoda manusia agar dapat bersamanya.

"Iblis berkata, oleh kerana Engkau (wahai Tuhan) menyebabkan daku tersesat (maka) demi sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalangi mereka (daripada mengikuti) jalan-Mu yang lurus.

"Kemudian, aku datangilah mereka dari depan mereka serta dari belakang mereka

dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka dan Engkau tidak akan dapati kebanyakan mereka bersyukur." (**Surah al-A'raf, ayat 16 dan 17**)

Hawa diciptakan sebagai pelengkap hidup Nabi Adam. Mereka diberikan kebebasan menikmati apa saja makanan dengan sepuas-puasnya di dalam syurga, melainkan satu pohon. Iblis berusaha sekeras mungkin menghasut mereka.

Kemudian, mereka memakan (buah) daripada pohon itu, lalu terdedahlah

aurat masing-masing. Perkara ini dapat dilihat menerusi **surah Taha, ayat 117 hingga 121 dan surah al-A'raf, ayat 22**.

Mereka segera bertaubat kepada Allah. "Mereka berdua merayu, wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami daripada orang-orang yang rugi." (**Surah al-A'raf, ayat 23**)

Allah menerima taubat mereka seperti diceritakan dalam **surah al-Baqarah, ayat 37 dan surah Taha, ayat 122**.

Mereka berdua diturunkan ke bumi dan seterusnya berkembang biak. Inilah tujuan asal

Allah menciptakan manusia untuk menjadi khalifah di muka bumi.

Ada pendapat menyatakan Nabi Adam diturunkan di India manakala Hawa di Jeddah dan akhirnya mereka bertemu di Muzdalifah.

Iblis mempunyai komitmen tinggi untuk menyesatkan manusia. Oleh itu, kita haruslah sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan.

Sehebat mana pun kita, pasti ada kelemahan dan berbuat dosa. Orang hebat adalah orang yang segera memohon ampun atas kesalahannya.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor di UPM